



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Rabu, 12 April 2023

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Wanita & Keluarga	27



Nuraishah (kiri) bersama pekerjanya ketika sesi bermain kucing. (Foto Omar Ahmad/BH)

Hotel kucing jadi rebutan menjelang cuti Aidilfitri

Pemilik mahu pastikan
keleselesaian haiwan
kesayangan,
keselamatan
terjamin

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Pasir Gudang: Menjelang ketibaan Aidilfitri, bukan sahaja ramai buat persediaan beli baju raya, kuih-muih dan sebagainya, tidak ketinggalan juga persiapan kepada pencinta kucing bagi memastikan si bulus terjaga rapi.

Bagi pemilik kucing yang terpaksa menempuh perjalanan jauh untuk pulang beraya ke kampung, pastinya pilihan terbaik adalah menempatkan 'anak mereka' di hotel kucing supaya keselamatan dan kebersihan haiwan peliharaan itu terjaga.

Pusat jagaan kucing, Aishah Kitty Cattery di Pasir Gudang, Johor, turut mendapat permintaan di luar jangkaan.

Pemiliknya, Nuraishah Othman, 34, berkata 40 bilik berhawa dingin habis ditempah sebelum Ramadan lagi.

Katanya, selain hotel kucing, pelbagai perkhidmatan disediakan supaya pemilik rasa selamat meninggalkan haiwan pelihara-

raan mereka.

"Terdapat empat pakej dan perkhidmatan utama di Aishah Kitty Cattery. Selain hotel kucing atau pusat jagaan, Aishah juga menyediakan khidmat dandanan, menjual anak kucing baka terbaik serta bermain dengan kucing.

"Ada pemilik menghantar si bulus dua hari sebelum hari raya, ada menghantar tiga hari hingga seminggu. Kebanyakan pemilik perlu pulang ke kampung yang jauh seperti utara dan Pantai Timur yang menyukarkan untuk membawa kucing dalam perjalanan.

"Tetapi ada meletakkan si bulus sehingga dua minggu kerana mengambil peluang bercuti ke luar negara sempena musim perayaan ini.

Beliau berkata, kucing diantar akan dijaga dan diberi makan mengikut waktu ditetapkan, selain kucing diberikan masa untuk bermain di ruang yang kondusif dan selesa.

"Kucing menginap di hotel kami akan diberi masa dalam masa sejam untuk bermain di ruang disediakan agar tidak bosan dan tidur di bilik," katanya.

Bak baka kucing

Nuraishah berkata, pihaknya hanya membiakkan baka jenis British Shorthair bagi memastikan kualiti kucing dijual terjaga.

Ramai peniaga menjual baka anak kucing jenis ini, namun kebanyakan tidak mempunyai bukti atau sijil kelahiran asalnya.

Pemilik kucing juga boleh me-

milih servis tambahan disediakan, iaitu rawatan perubatan, potong kuku dan jangkitan kulat.

Nuraishah bercadang memperluaskan perniagaan pusat jagaan dan hotel kucing dengan menambah cawangan di kawasan lain.

"Impian memang hendak buka satu cawangan dengan semua lengkap seperti pusat sehati untuk pemilik dapat membeli segala keperluan si bulus," katanya.

Segala-gala tentang kucing bermula dengan minat mendalam memelihara kucing baka British Shorthair.

Sebelum ini, beliau menjalankan perusahaan spa kecantikan sejak tujuh tahun lalu beralih arah membuka pusat jagaan dan perkhidmatan hotel si bulus.

"Saya sejak kecil lagi minat dan suka membela kucing sehingga sudah dewasa dan berumah tangga saya pelihara kucing. Sepanjang hidup tidak ada sehari tanpa kucing. Di rumah satu bilik khas disediakan untuk kucing.

"Kucing saya bernama boboy, baby, mia, olivia, fiona dan banyak lagi yang saya bela dari kecil bermula usia sebulan hingga lebih setahun.

"Pada mulanya saya membeli kucing baka biasa seperti kucing kampung dan Parsi. Selepas membeli baka British Shorthair dari Russia dan Ukraine, saya mula jaga lebih baik, selain buat pembiakan jenis baka ini dan jual anak kucing secara dalam talian," katanya menganggap perniagaan berkaitan kucing mendapat permintaan tinggi.

Weekly chicken, egg price hike complaints in Sandakan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
The Star	Nation	8

Weekly chicken, egg price hike complaints in Sandakan

KOTA KINABALU: Traders have been warned not to bump up prices of essential goods with the Hari Raya Aidilfitri festive period approaching, says the Domestic Trade and Costs of Living Ministry.

Its district chief enforcement officer Azdy Zukkry John @ Azdy Zukkry Abdullah

said this was after complaints were received by its Sandakan office in eastern Sabah almost on a weekly basis.

"We wish to remind traders not to sell their goods above the ceiling price.

"And sellers must also make it a point to display the prices properly for the benefit

of consumers," he told reporters yesterday.

Azdy said that they started working with the Sandakan Department of Veterinary Services yesterday at two markets in the district. This was done in response to complaints about the price increases, especially for whole chickens and eggs.

Daging import di pasaran naik harga Bekalan telur cukup

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Nasional	5

Daging import di pasaran naik harga

Meningkat RM1-RM4 per kilogram di beberapa pasar raya sekitar Shah Alam

Oleh NUR IFTTAAH ROZLAN
SHAH ALAM

Berlaku kenaikan harga bagi daging import menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

Berdasarkan tinjauan Sinar Harian di beberapa pasar raya sekitar Shah Alam mendapati, meskipun harga yang ditawarkan di setiap lokasi agak sedikit berbeza, namun anggaran peningkatan adalah antara RM1 hingga RM4 per kilogram.

Menurut seorang suru rumah, Khadijah Abdullah, 52, dia mula sedar akan perubahan harga daging import di pasaran sejak beberapa minggu sebelum Ramadan.

"Memang setiap bulan saya sekeluarga akan membeli barangan basah termasuk daging import di pasar raya yang sama dan sejak beberapa minggu ini, saya perasaan daging import sudah naik (harga).

"Sebelum ini, jenama daging kerbau import seuk beku yang biasa saya beli berharga RM19.90 sekilogram, tetapi sekarang mereka jual RM21.99, naik sikit berbanding bulan biasa.

"Bukan hanya di pasar raya ini, beberapa tempat lain pun sama juga. Bezanya naik banyak atau sikit sahaja," katanya.

Sinar Harian pada Isnin melaporkan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menafikan



Harga daging lembu tempatan yang mahal membuatkan ada pengguna memilih untuk membeli daging import.

dakwaan berhubung kenaikan melampau harga daging import di pasaran.

Menternya, Datuk Sen Salahuddin Ayub berkata, desas-desus di media sosial mengenai kenaikan harga itu sengaja dicituskan pihak tertentu untuk membuktikan kegagalan kerajaan.

"Pergilah ke mana-mana kedai yang menjual daging import kerbau ini, harga pada paras RM18 hingga RM20 sekilogram, ada yang RM22 mengikut gred daging itu.

"Bagi daging lembu tempatan, itu harga yang sememangnya tidak kita kawal tapi untuk mengatakan daging import yang dikawal oleh kerajaan ini naik melampau, itu tidak benar sama sekali," kata Salahuddin.

Harap pihak berkuasa turun padang

Sementara itu, bagi pesara kerajaan yang hanya ingin dikenali sebagai Zie, 66, dia mengakui terkejut melihat harga daging import di pasar raya yang sering dikunjungi itu agak tinggi berbanding kebiasaannya.

"Biasa saya beli daging import kerbau dari India bahagian striploin hanya sekitar

RM8 bagi 500 gram, tetapi hari ini (Selasa) dah naik jadi RM13.20 (530 gram).

"Daging tempatan memang kita tahu mahal, jadi saya beli yang import, tetapi tengok sekarang pun makin naik juga harganya. Tidak tahu kenapa, mungkin juga disebabkan nak raya," ujarnya.

Ditanya sama ada dia akan membuat aduan kepada KPDN berkenaan perkara itu, Zie hanya berharap pihak berkuasa akan turun padang dengan lebih kerap bagi mengawal kenaikan harga barangan basah yang melampau.

Sotong juga naik harga

Dalam pada itu, Asmah Azmeer, 49, berkata, dia sekeluarga memang akan membeli daging import di pasar raya yang sama hampir setiap bulan, namun agak kecewa melihat kenaikan harga ditawarkan baru-baru ini.

Pekerja swasta itu juga menyatakan kebimbangannya jika harga daging berkenaan akan meningkat secara mendadak dalam tempoh terdekat ini.

"Contohnya, daging import cube roll saya beli beberapa minggu lalu dijual pada harga RM21.90 sekilogram, tetapi sekarang di pasar raya ini, sudah naik menjadi lebih RM24.

"Bukan itu sahaja, barang basah lain seperti sotong juga sudah naik mendadak, sangat berbeza berbanding sebelum ini," katanya kepada Sinar Harian.

Dalam pada itu, Sazali Mad Deros, 56, turut berpendapat kenaikan harga daging import berlaku disebabkan permintaan yang tinggi daripada pengguna terutamanya menjelang sambutan Aidilfitri.

"Tetapi secara peribadi, saya dan isten akan sentiasa membuat perbandingan harga di setiap kedai dan pasar raya sebelum membeli.

"Kaedah ini lebih membantu kami untuk mendapatkan daging import yang bukan sahaja murah, tetapi juga segar," jelasnya.

Bekalan telur cukup

KUALA LUMPUR - Bekalan telur dalam negara adalah mencukupi berdasarkan data unjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Jabatan itu dalam satu kenyataan memaklumkan, terdapat lebih bekalan pada Mac lalu sebanyak 250.8 juta biji telur sekali gus limpahan bekalan berlaku pada April.

"Pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah dalam memastikan bekalan telur tempatan kekal stabil antaranya sesi libat unsur melibatkan Persekutuan P e r s a t u a n P e n t e r n a k - P e n t e r n a k M a l a y s i a (FLFAM).

"Libat urus ini diadakan pada 23 Mac lalu dan pengeluaran telah meningkatkan pengeluaran mengikut permintaan sebelum dan semasa musim perayaan serta membenjaminan pengeluaran telur tempatan mencukupi," katanya pada Selasa.

Dalam pada itu, agensi itu dalam kenyataan sama menjelaskan faktor yang menyebabkan kekurangan bekalan telur di lokasi tertentu adalah disebabkan oleh faktor kos logistik yang meningkat.

Menurutnya, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui FAMA telah mengambil inisiatif dalam pengurusan Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) bagi membantu pengedaran bekalan di lokasi yang memerlukan.

Zie sedang meneliti harga daging import yang dijual di sebuah pasar raya di sekitar Shah Alam pada Selasa.



Sazali dan isterinya akan sentiasa membuat perbandingan harga di setiap kedai dan pasar raya sebelum membeli daging import.